



PEKELILING PELABUHAN BIL. 28/2024
PORT CIRCULAR NO. 28/2024

DARIPADA : PENGARAH LAUT WILAYAH TIMUR
FROM : DIRECTOR OF MARINE EASTERN REGION

KEPADA : MASYARAKAT PERKAPALAN
TO : SHIPPING COMMUNITIES

TARIKH : 03 NOVEMBER 2024
DATED : 03 NOVEMBER 2024

PEMAKLUMAN BERKENAAN MONSUN
TIMUR LAUT

Adalah dimaklumkan bahawa permulaan Monsun Timur Laut dijangka bermula **pada 05 November 2024 dan berakhir pada Mac 2025.**

Masyarakat perkapalan dinasihatkan untuk sentiasa peka pada amaran hujan lebat serta angin kencang dan laut bergelora yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil dan aktiviti rekreasi laut.

NOTIFICATION FOR THE NORTHEAST
MONSOON SEASON

*Please be informed that The Northeast Monsoon Season is expected to begin **on 05th November 2024 and ended in March 2025.***

Shipping community is advised to keep alert with heavy rain, strong winds and rough seas warning issued by the Malaysian Meteorological Department.

The condition of strong winds and rough seas is dangerous to small crafts and recreational sea activities.

(MOHAMAD HALIZAM BIN SAMSURI)
B.p.: Pengarah Laut Wilayah Timur
For Director of Marine Eastern Region



KENYATAAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

1 NOVEMBER 2024

PERMULAAN MONSUN TIMUR LAUT 2024/2025

Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 atau lebih dikenali sebagai musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula pada **5 November 2024** dan berterusan sehingga Mac 2025. Dalam tempoh ini, lima hingga tujuh episod hujan lebat dijangka berlaku.

Semasa fasa awal MTL dari November hingga Disember 2024, episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Manakala pada Januari hingga Februari 2025 pula, negeri yang lebih berpotensi untuk berlaku episod hujan lebat adalah di Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Namun, sekiranya luruan monsun yang berlaku adalah kuat dan pada masa yang sama wujud sistem cuaca tekanan rendah, hujan lebat berterusan boleh berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia.

Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berkedudukan rendah dan berhampiran sungai. Sekiranya hujan lebat berterusan berlaku serentak dengan kejadian air pasang besar dan luruan ribut, risiko kejadian banjir boleh menjadi lebih ekstrem. Selain itu, tiupan angin timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora, risiko kenaikan paras laut dan ombak besar di perairan Laut China Selatan.

Menjelang pada fasa akhir MTL iaitu Januari hingga Mac 2025, kawasan utara Semenanjung dijangka mengalami kurang hujan. Keadaan ini akan menyebabkan cuaca panas dan kering serta berpotensi berlakunya gelombang haba. Namun begitu, keadaan diramalkan tidak seteruk seperti tahun 2024 disebabkan fenomena La Nina dijangka bermula hujung tahun ini hingga pertengahan tahun hadapan.

Orang ramai dinasihatkan agar bersiap sedia menghadapi musim tengkujuh serta sentiasa peka dengan maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) melalui medium sebaran rasmi iaitu laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi MET Malaysia. Talian hotline MET Malaysia 1-300-22-1638 boleh dihubungi bagi sebarang pertanyaan lanjut.

Sumber:

DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP

Ketua Pengarah

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

1 November 2024, 12:00 tengah hari

